

**TRADITIONAL AND MODERN METHOD IN HADITH STUDIES: A LITERATURE REVIEW**

**PENGAJIAN HADIS TRADISIONAL DAN MODEN: TINJAUAN AWAL LITERATUR**

Ahmad Zubir Rosdi<sup>i</sup>, Syed Najihuddin Syed Hassan<sup>ii</sup> & Nurul Asiah Fasehah Muhamad<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding Author). Pelajar Sarjana, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

ahmadzubirazbr@gmail.com

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

syednajihuddin@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

nurulasiahfasehah@usim.edu.my

Article Progress

Received: 31<sup>st</sup> Oct 2018

Revised: 29<sup>th</sup> Nov 2018

Accepted: 5<sup>th</sup> Dis 2018

<b>Abstract</b>	<p><i>The development of the hadith studies has been increasing rapidly with the application of various learning methods.. Starting from traditional to modern methods, the hadith studies were always improved further well. The purpose of this study is to examine in detail on the methods applied in the traditional way studying hadith to the use of technology, Mobile Learning. The study will be conducted using the qualitative method where the text analysis was conducted using method of data collection. Studies have found that there are differences between traditional and modern methods but they are interconnected with one another in accordance with the era of circulation. Hope that this study will help all parties to make the study of hadith continue to grow despite the changing times.</i></p> <p>Keywords: <i>Hadith, traditional, modern, learning, mobile.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Perkembangan pengajian hadis terus pesat dengan pelbagai kaedah pembelajaran yang digunakan. Bermula dari kaedah tradisional sehinggalah kepada kaedah moden menjadikan pengajian hadis sentiasa berjalan dengan baik. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti kaedah yang digunakan dalam pengajian hadis melalui kaedah tradisional sehinggalah kepada keadah yang menggunakan teknologi iaitu "Mobile Learning". Kajian akan dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif yang mana analisa teks dijadikan sebagai kaedah pengumpulan data kajian. Kajian mendapati terdapat perbezaan diantara kaedah tradisional dan moden namun kedua-duanya saling berhubung diantara satu sama lain sesuai dengan peredaran zaman. Diharapkan kajian ini boleh membantu kepada semua pihak untuk menjadikan pengajian hadis terus berkembang walaupun berlakunya perubahan zaman.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Hadis, tradisional, moden, pengajian, mobile.</i></p>

**PENDAHULUAN**

Hadis ialah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW dari segi perkataan, perbuatan, sifat dan perakuan. Hadis merupakan satu teras kepada ajaran Islam dan

menjadi sumber kedua selepas Al-Quran serta berperanan sebagai penjelasan kepada ayat Al-Quran. Sememangnya menjadi kewajipan umat Islam untuk berpegang kepada Al-Quran dan hadis kerana kedua-dua sumber ini merangkumi segala aspek kehidupan manusia.

Pengajian hadis bukanlah suatu yang asing dalam masyarakat di Malaysia. Khazanah ilmu yang tidak ternilai ini mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan untuk dipelajari. Pengajian hadis bermula dengan kaedah tradisional yang diadakan di pondok atau madrasah dan juga di masjid, seterusnya berkembang sehingga menjadi pengajian berbentuk formal seperti di sekolah dan juga pusat pengajian tinggi. Pengajian hadis terus bergerak ke hadapan apabila adanya teknologi moden yang digunakan dalam proses pembelajaran. Hal ini selaras dengan perkembangan kaedah semasa dalam P&P.

Perkembangan pembangunan teknologi telah membawa cabaran dan peluang di dalam bidang pendidikan. Perkembangan ini juga telah memberi kesan kepada pengajian Islam termasuklah pengajian hadis. Pembelajaran menggunakan teknologi telah melahirkan satu kaedah pengajian yang baru dipanggil pembelajaran mudah alih atau Mobile Learning. Mobile Learning merupakan satu kaedah pembelajaran untuk memudahkan lagi proses pembelajaran berbanding dengan kaedah tradisional yang mana pelajar boleh akses pembelajaran pada bila-bila masa dan dimana jua sahaja.

Rasulullah SAW tidak melarang untuk pelbagaikan kaedah pengajian. Ini sebagaimana satu hadis yang diriwayatkan oleh Anas:

{ أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ }

Maksudnya, “Kamu lebih mengetahui urusan duniamu (Hadis Muslim. *Bab wujud imthal ma qalalahu syar’an duuna ma zakaruhu Sallahua’lai wasallam min ma’ayish dunya*. 2363).

Memandangkan pengajian hadis juga boleh dilakukan dengan menggunakan pelbagai kaedah, maka kajian ini akan memberi pendedahan tentang kaedah-kaedah pengajian hadis yang terdapat di Malaysia.

### **Pengajian Hadis Pada Zaman Rasulullah SAW**

Pada zaman Rasulullah SAW para sahabat secara langsung akan merujuk kepada Rasulullah SAW bagi menyelesaikan sesuatu masalah atau menjelaskan sesuatu hukum. Rasulullah SAW akan menjawab semua persoalan dan diambil pengajaran oleh sahabat. Pengajian pada zaman Rasulullah SAW terjadi dalam beberapa cara, antaranya ialah majlis ilmu Rasulullah SAW, peristiwa yang terjadi pada Rasulullah SAW, peristiwa yang terjadi pada kaum muslimin dan perbuatan Rasulullah yang disaksikan oleh para sahabat (Faisal Ahmad Shah, Mohd Khafidz Soroni & Rosni Wazir, 2016). Melalui pengajian ini, para sahabat akan memahami, menghafal dan mengamalkan setiap yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW.

Kebanyakan para sahabat menghafal hadis untuk memahami dan meriwayatkan hadis. Mereka tidak menulis hadis kerana terdapat hadis yang melarang untuk menulis hadis berdasarkan hadis Imam Muslim:

{ لَا تَكْتُبُوا عَنِّي وَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ فَلْيَمْحُحْهُ }

Maksud: *Janganlah ditulis dariku selain dari al-Quran, sesiapa yang menulis dariku selain al-Quran, maka padamkanlah* (HR Muslim no. 5326).

Walaubagaimanapun, bukanlah bermaksud proses penulisan hadis atau mencatat hadis tidak berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Ini kerana penulisan hadis juga merupakan salah satu cara sahabat belajar daripada Rasulullah SAW. Penulisan hadis berlaku berdasarkan hadis Abu Daud:

{ حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ وَأَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ الْأَخْنَسِ عَنْ الْوَلِيدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي مُغَيْثٍ عَنْ يُوسُفَ بْنِ مَاهِكَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِشَرِّ يَتَكَلَّمُ فِي الْعُضْبِ وَالرِّضَا فَأَمْسَكَتُ عَنِ الْكِتَابِ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَوْمَأَ بِأُصْبُعِهِ إِلَى فِيهِ فَقَالَ أَكْتُبْ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا يَخْرُجُ مِنْهُ إِلَّا حَقٌّ }

Maksudnya, "Telah menceritakan kepada kami Musaddad dan Abu Bakr bin Abu Syaibah mereka berkata; telah menceritakan kepada kami Yahya dari 'Ubaidullah bin Al Akhnas dari Al Walid bin Abdullah bin Abu Mughits dari Yusuf bin Mahik dari Abdullah bin 'Amru ia berkata, "Aku menulis segala sesuatu yang aku dengar dari Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, agar aku bisa menghafalnya. Kemudian orang-orang Quraisy melarangku dan mereka berkata, 'Apakah engkau akan menulis segala sesuatu yang engkau dengar, sementara Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam adalah seorang manusia yang berbicara dalam keadaan marah dan senang? ' Aku pun tidak menulis lagi, kemudian hal itu aku ceritakan kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Beliau lalu berisyarat dengan meletakkan jarinya pada mulut, lalu bersabda: "Tulishlah, demi jiwaku yang ada di tangan-Nya, tidaklah keluar darinya (mulut) kecuali kebenaran." (Sunan Abi Daud. Kitab al-'Ilm Bab Fi Kitab al-'Ilm. 3161).

Jelaslah pengajian hadis pada peringkat awal lebih banyak secara lisan. Namun setelah kewafatan Rasulullah SAW, penulisan hadis diteruskan pada zaman sahabat dan juga tabi'in (Faisal Ahmad Shah, Mohd Khafidz Soroni & Rosni Wazir, 2016). Sekian lama kemudian telah ada usaha untuk memalsukan hadis, maka pada zaman Umar Bin Abd Aziz pembukuan hadis telah dilakukan secara rasmi. Tambahan pula kebanyakan penghafal hadis sudah banyak yang meninggal dunia. Ulama salaf mahupun khalaf serta ulama sekarang memberi perhatian yang sangat besar untuk mempertahankan hadis (Hading, 2016).

### **Pengajian Hadis Berbentuk Formal Dan Tidak Formal**

Fadzil, Deraman, & Amir (2014) membahagikan pengajian hadis kepada dua iaitu pengajian berbentuk formal dan tidak formal. Pengajian formal dikategorikan kepada dua iaitu sekolah dan juga pusat pengajian tinggi manakala pengajian tidak formal merangkumi pengajian di masjid, madrasah, sekolah pondok dan organisasi. Mereka turut menjelaskan bahawa pengajian berbentuk tidak formal dijalankan secara kaedah tradisional manakala pengajian berbentuk formal lebih kepada menggunakan kaedah moden.

Untuk lebih jelas, penulis bawakan pengajian hadis berbentuk tidak formal seperti pengajian di pusat pengajian pondok. Pengajian hadis di Kelantan juga turut mendapat tempat untuk masyarakat. Satu kajian telah dijalankan di Pondok Lubuk Tapah dapat dirumuskan bahawa pengajian hadis memainkan peranan penting bagi para pelajar dan juga masyarakat. Pengajian hadis disini dijalankan secara tidak formal menyebabkan ramai lepasan Pondok Lubuk Tapah tidak menjadi ahli hadis sebaliknya lebih kepada bidang fiqh dan tauhid. Namun begitu alumni pondok banyak memberi sumbangan dari segi pendidikan, kemasyarakatan, politik dan ekonomi (Norhazlina & Friedman, 2009).

Manakala di Terengganu pula, perkembangan pengajian hadis bermula pada abad ke 19. Terengganu terkenal dengan ramai tokoh ilmuwan namun masih tiada lagi yang betul-betul takhassus dalam bidang hadis. Namun, pengajian hadis secara tidak formal masih lagi diteruskan di masjid-masjid atau surau-sarau (Rohaizan Baru, 2006).


Pengajian hadis turut mendapat tempat di sekolah-sekolah di Malaysia. Kebanyakannya sekolah dibawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia dan beberapa sekolah dibawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri. Kaedah pengajian ialah menggunakan silibus yang telah diselaraskan oleh KPM bagi subjek Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM) dan subjek Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) manakala silibus bagi sekolah di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri kebanyakannya diambil dari silibus University Al-Azhar, Mesir (Fadzil, Deraman, & Amir, 2014). Umumnya, kebanyakan silibus pengajian mengandungi hadis untuk menerangkan perkara yang berkaitan dengan hadis dan pelajar turut didedahkan dengan Ulum Al-Hadis (Temrin & Ali, 2017).

Di peringkat universiti, pengajian hadis turut diketengahkan kepada pelajar yang mana silibus pembelajaran telah ditetapkan oleh pihak fakulti (Fadzil et al., 2014). Salah satu contoh, satu kajian yang dijalankan di UniSZA oleh Mohamed & Ali (2016) menunjukkan tahap pengetahuan pelajar terhadap pengajian hadis berada pada aras tinggi. Pelajar tidak mempunyai banyak masalah untuk mempelajari hadis. Pensyarah adalah individu yang sangat penting untuk memberi galakan dan motivasi kepada pelajar. Kaedah yang digunakan oleh pensyarah juga turut diterima baik oleh pelajar.

Walaupun bagaimanapun, pengajar masih lagi terikat dengan kaedah lama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) (Kamarul Azmi Jasmi, 2013). Maka disini penekanan perlu diberi oleh pengajar untuk memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap kefahaman dan pemikiran pelajar (Noor Hisham Md Nawi, 2011).

Asasnya, kajian lepas menunjukkan pengajian hadis telah berlaku sejak sekian lama bermula pada zaman Rasulullah SAW hingga ke zaman sekarang. Namun perlulah dititikberatkan kaedah yang digunakan agar bersesuaian dengan peredaran zaman. Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan bahawa pengajian hadis terbahagi kepada dua iaitu sistem tradisional dan juga sistem moden.



### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pengumpulan data telah dibuat dengan menggunakan kaedah analisis teks. Beberapa artikel telah dipilih berdasarkan kaedah pembelajaran hadis sama ada kaedah tradisional dan kaedah moden untuk dijadikan bahan kajian.

### **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak kaedah untuk mempelajari ilmu hadis. Kajian ini merangkumi kaedah tradisional dan juga kaedah moden serta hubungkait antara satu sama lain. Hasil kajian berdasarkan analisa yang telah dibuat adalah berdasarkan rajah 1 di bawah:

Subjek	Tradisional	Moden
Tempat	Pondok, madrasah dan masjid	Institusi pengajian (E-Learning) Tidak terikat dengan tempat (M-Learning)
Komunikasi	Pengajian dua hala Perhubungan yang terhad	Pengajian dua hala Perhubungan tanpa had
Kaedah	Talaqi, soal jawab, perbincangan, hafalan dan demonstrasi	Website, perisian computer, aplikasi mudah alih dan laman sosial
Bahan pengajian	Medium kertas	Medium digital

Rajah 1

## KAEDAH TRADISIONAL PENGAJIAN HADIS

### Talaqi

Talaqi merupakan satu kaedah pembelajaran yang diamalkan oleh ulama salafussoleh. Kaedah ini diadaptasikan daripada kisah Rasulullah SAW dan Malaikat Jibril AS sewaktu wahyu pertama diturunkan. Talaqi diambil dari Bahasa Arab yang membawa maksud pertemuan atau perjumpaan. Di dalam konteks pengajian hadis, talaqi bermaksud pengajian hadis yang disampaikan secara berhadapan oleh seorang guru kepada murid-muridnya. Murid perlu mencatat apa yang disampaikan oleh guru. Kaedah talaqi masih diteruskan sehingga ke hari ini untuk memelihara keaslian ilmu hadis dan mengelakkan silap faham terhadap hadis (Ridzuan & Irpan, 2017).

Secara umumnya, talaqi mengandungi tiga elemen utama iaitu *sama`*, *qiraah* dan *ijazah* (Ramli, Majid, & Nazri, 2017). Berdasarkan penelitian penulis ingin membahagikan kepada dua jenis kaedah talaqi iaitu Talaqi Umum (TU) dan Talaqi Bersanad (TB). TU bermaksud pengajian yang hanya ada elemen *sama`* dan *qiraah* sahaja. TU dapat dipelajari di kebanyakan pusat pengajian termasuk juga di masjid. Ini kerana kaedah TU sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Tenaga pengajar pula mempunyai kelulusan dalam bidang agama (hadis) yang diberikan tauliah oleh pejabat agama negeri. Namun, kaedah TU hanya sekadar pembacaan kitab dan syarah kepada hadis yang tidak mempunyai sistem yang khusus.

Dalam pada itu, TB pula ialah satu kaedah pengajian yang mempunyai tiga elemen utama iaitu *sama`*, *qiraah* dan *ijazah*. *Ijazah* ialah persaksian, perakuan dan keizinan oleh guru (musnid) bahawa seseorang murid dapat menguasai dengan baik akan sesuatu bidang ilmu. Kebiasaannya, lafaz ijazah seorang guru kepada muridnya ialah “aku ijazahkan ini kepadamu sepertimana guruku mengijazahkan kepadaku” lalu dijawab oleh murid “aku terima” atau apa-apa lafaz yang menunjukkan keizinan guru kepada murid untuk menyampaikan kepada orang lain (Johari & Shah, 2015). Elemen *ijazah* merupakan tradisi ilmu dalam kalangan penuntut ilmu baik terdahulu mahupun kini.

Di Malaysia, hanya sesetengah tempat pusat pengajian sahaja yang menawarkan TB. Hal ini kerana pengajian kaedah TB tidak semudah sebagaimana kaedah TU. TB memerlukan masa yang panjang dan kesungguhan yang jitu untuk mendapatkan sanad pengajian. Antara pusat pengajian yang menawarkan TB ialah Dar al-Hadis al-Khurasaniyyah, Kelantan yang diasaskan oleh Abu Abdullah Sayyid Hasan al-Khurasani. Beliau mendapat pendidikan awal di Dar Ulum, Deoband, India. Seterusnya, Dar al-Kauthar, Kelantan yang diasaskan oleh Mualana Asri Yusof juga mendapat pengajian di India secara bersanad. Selain itu, pusat pengajian yang mengaplikasikan pengajian hadis bersanad ialah Maahad Dar al-Hadis yang didaftarkan pada tahun 2008 dan Dar al-Ulum Ihya Ulumuddin di Kedah yang menggunakan sukatan pelajaran daripada Dar al-Ulum, Deoband (Noor & Rosli, 2017).

Perbezaan yang ketara antara kaedah TU dan TB ialah guru yang musnid. Musnid adalah guru yang memiliki sanad sehingga kepada penulis kitab dan dalam keadaan

tertentu sampai kepada Rasulullah SAW. Murid akan bertalaqi dengan guru secara *mushafahah* iaitu setiap apa yang keluar dari mulut guru akan diikuti oleh murid. Walaupun di Malaysia tidak popular dalam pengajian TB, namun kaedah ini masih diteruskan disebabkan oleh empat faktor iaitu pengekalan salasilah sanad, ikatan pertalian sanad dengan Rasulullah SAW serta pewarisnya, teladan tradisi ilmu dan penjagaan sanad a`li (Ramli et al., 2017).

Realitinya, kedua-dua kaedah ini mempunyai kelebihan tersendiri. Kaedah TU yang bersifat umum sesuai untuk masyarakat awam berbanding kaedah TB yang mana mempunyai sistem yang khusus untuk dilaksanakan. Hal ini jelas kerana tempat pengajian yang menawarkan kaedah TB masih berkurang. Apa yang penting daripada kedua-dua kaedah ini adalah untuk membentuk kefahaman yang jelas tentang sesuatu ilmu khususnya ilmu hadis yang memerlukan perincian yang mendalam.

### **Kaedah Soal Jawab**

Kaedah seterusnya ialah kaedah soal jawab. Kaedah dua hala ini terjadi antara guru dan murid bagi memberi ruang kepada pelajar yang tidak faham akan pembelajaran. Dalam masa yang sama, kaedah ini membuka peluang untuk pelajar terlibat dalam proses perbincangan. Kaedah ini dapat merangsang kemahiran berfikir murid. Namun, guru mestilah mengambil kira aras berfikir setiap murid bagi memastikan murid dapat memahami dengan baik jika berlaku ketidakfahaman (Noor & Rosli, 2017).

Kesan daripada kaedah soal jawab ialah pembelajaran akan menjadi lebih seronok dan menarik (Budin, 2016). Menurut Masyhurah, Harun, Maimun Aqsha, & Siti Aisyah (2015) yang memetik dari Adullah Ishak (1995) guru di pengajian pondok hanya memberi kuliah sahaja. Sesi soal jawab akan dikendalikan oleh pembantu guru atau dikenali dengan "kepala telaah". Berbeza dengan pengajian di masjid yang mana guru akan membuka sesi soal jawab dan menjawab setiap persoalan dari murid (Johari & Shah, 2015).

Dalam pada itu berdasarkan pemerhatian penulis, pelajar masih lagi tidak kehadapan untuk bertanya jika ada sesuatu kemusykilan kerana perasaan malu. Disini pengamatan dan kebijaksanaan pengajar perlu untuk mengesan pelajar yang tidak faham dan memberi peluang dan ruang untuk pelajar bertanya sama ada secara terus atau bersendirian.

### **Kaedah Perbincangan**

Kaedah perbincangan atau dalam Bahasa Arab disebut sebagai *syura* sangat penting didalam setiap diskusi ilmiah. Menurut Ibnu Taimiyyah didalam kitabnya *siyasa syar'iyah*, sekurang-kurangnya ada tiga aspek yang perlu diteliti untuk melaksanakan setiap perbincangan. Pertama ialah asas rujukan iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai dasar untuk mengambil hukum. Kedua ialah ruang lingkup perbincangan dan ketiga ialah karektria orang-orang yang mampu untuk membuat keputusan (Saputro & Shobron, 2016).

Dengan kata lain, penulis berpendapat tiga aspek ini boleh digunapakai dalam pengajian hadis sebagai satu bentuk panduan untuk melakukan kaedah perbincangan. Objektif melalui kaedah ini adalah dapat memberi rangsangan kepada minda pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis. Kenyataan ini disokong oleh Noor & Rosli (2017) menyatakan murid dapat membentuk satu kefahaman baru dalam setiap pembelajaran.

### **Kaedah Hafalan**

Antara tradisi ilmu yang masih dikekalkan dalam pengajian hadis adalah dengan menggunakan kaedah hafalan hadis. Kaedah ini telah digunakan oleh para sahabat dan ulama salafusoleh sebagai langkah untuk menjaga hadis-hadis Rasulullah SAW (Hading, 2016). Hafalan hadis sangat penting kepada pelajar untuk beramal dengan hadis yang dipelajari dan dalam pada masa yang sama dapat memberi manfaat kepada masyarakat dengan mengajarkan kepada mereka (Rosli & Mohd Noor, 2015).

Kaedah menghafal hadis juga bergantung kepada sesuatu tempat pengajian. Sebagai contoh kaedah hafalan di Maahad Darul Hadis, Alor Setar secara berperingkat iaitu *ibtidai*, *idadi* dan *thanawi*. Setiap peringkat mempunyai sukatan yang telah ditetapkan untuk memperolehi sijil Shahadah Nihaiyyah Maahad Darul Hadis (Rosli & Mohd Noor, 2015).

Namun demikian, amat perlu untuk melihat kepada kemampuan pelajar untuk menghafal hadis. Permasalahan timbul apabila pelajar yang kurang berkemampuan untuk menghafal dan perlu untuk mengejar silibus pembelajaran. Hal sedemikian akan membantutkan lagi proses hafalan dan hafalan tidak kekal dalam ingatan pelajar. Maka, sangat wajar untuk selarikan teknik hafalan dan sukatan pembelajaran.

### **Kaedah Demonstrasi**

Menurut Atabik (2010) salah satu kaedah yang digunakan dalam pengajian hadis ialah kaedah demonstrasi. Kaedah demonstrasi adalah satu kaedah yang digunakan oleh Rasulullah bersama sahabat. Antara contoh Rasulullah menggunakan kaedah ini ialah Rasulullah menggunakan lakaran atau lukisan diatas tanah, menggunakan isyarat jari, tangan dan tongkat dan membuat perbandingan objek disekeliling Baginda (Hassan, Zakaria, Long, Goje, & Said, 2016). Kajian yang telah dilakukan oleh NoorIzzuddin Mat Zain, Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar (2014) menunjukkan kaedah demonstrasi merupakan kaedah paling berkesan dalam proses pembelajaran menurut persepsi guru.

Berdasarkan pemerhatian penulis, kaedah pengajian hadis secara tradisional wajar dikekalkan bagi mengekalkan tradisi para ulama. Namun begitu, sistem yang digunakan perlu lebih sistematik dan sukatan pembelajaran perlu diperkembangkan. Selain itu, kaedah pembelajaran seharusnya dipelbagaikan agar dapat menarik minat para penuntut ilmu hadis. Usaha ini perlu kepada sokongan daripada pelbagai pihak untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran hadis dapat diteruskan dengan jayanya.

### **KAEDAH MODEN PENGAJIAN HADIS**

Pengajian hadis berkembang hingga ke institusi pengajian termasuklah sekolah, universiti dan juga organisasi. Penggunaan teknologi moden juga turut dimanfaatkan untuk pengajian hadis. Secara asanya pengajian hadis tidak terhalang dengan pembangunan teknologi dan turut bersama dengan arus kemodenan.

Pada zaman moden pembelajaran menggunakan teknologi sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Inovasi dalam pendidikan menjadi factor penting dalam pembangunan ICT (Lu, Tsai, & Wu, 2015). Integrasi antara ICT dan pendidikan merupakan suatu perkembangan yang baik untuk dilaksanakan dalam pembelajaran. Penggunaan teknologi adalah pilihan yang baik bagi melancarkan proses pembelajaran (Kaware & Sain, 2015).

### **E-Learning**

Pembelajaran Elektronik (e-Learning) adalah keadah pembelajaran menggunakan bahan elektronik serta kemudahan internet bagi meningkatkan tahap kefahaman pelajar (Dominici & Palumbo, 2013). Pembangunan E-Learning bukan bertujuan untuk menggantikan pembelajaran berasaskan kelas tetapi untuk menyelaraskan strategi pembelajaran secara keseluruhan (Cheon, Lee, Crooks, & Song, 2012). Gaya pembelajaran menggunakan kaedah E-Learning memberikan pilihan kepada belajar untuk belajar dengan cara yang berbeza. Kaedah E-Learning juga dapat membantu guru untuk mengoptimalkan proses pembelajaran kepada pelajar (Truong, 2016).

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kekurangan dalam e-Learning iaitu keseorangan serta kurangnya berinteraksi dengan hubungan luar. Selain itu, E-Learning juga memberi kesan negative kepada kemahiran sosial dan boleh berlakunya penipuan didalam pelajaran (Arkorf, V., & Abaidoo, N. 2015). Namun begitu dengan teknologi yang ada, penggunaan E-Learning telah dinaik taraf kepada m-Learning yang mana kaedah

pengajian menggunakan alat mudah alih. Menurut A.Rahim 2013, M-Learning adalah satu kaedah yang sesuai untuk diimplikasikan didalam pembelajaran terutamanya kepada pelajar di pengajian tinggi.

### **M-Learning**

Pembangunan teknologi telah melahirkan konsep pembelajaran baru iaitu m-learning. M-learning adalah satu kaedah pembelajaran yang menggunakan telefon pintar atau PDA bagi membolehkan seseorang untuk belajar pada bila-bila masa dan dimana sahaja. Pelajar boleh mengakses bahan belajar dengan begitu mudah. Hal yang demikian mampu memberi motivasi dan semangat untuk belajar.

M-learning juga boleh ditakrifkan sebagai satu kaedah pembelajaran menggunakan peranti mudah alih bagi memenuhi keperluan pembelajaran dalam masa yang singkat dan mampu berkomunikasi dengan orang lain tanpa bergantung kepada masa atau tempat (Göksu & Atici, 2013; Mahat, Ayub, Luan, & Wong, 2012).

Gitsaki, Robby, Priest, Hamdan & Ben-Chabane (2013) mendefinisikan mobile learning sebagai "*making content knowledge accessible anytime, anywhere at the learner's pace using a mobile device*". Jelaslah bahawa m-learning adalah satu konsep pembelajaran dan juga teknologi yang mana pembelajaran boleh berlaku tanpa bergantung pada tempat dan masa. Selain itu m-learning merupakan satu pengukuran terhadap kebolehan penggunaan peranti mudah alih untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran (Mehdipour & Zerehkafi, 2013).

Proses m-learning memerlukan kepada penggunaan peranti mudah alih. Terdapat pelbagai peranti mudah alih yang boleh digunakan dalam pelaksanaan m-learning. Setiap peranti mempunyai fungsi teknologi tanpa talian dan mempunyai keupayaan yang berbeza. M-learning boleh dimaksudkan sebagai satu peruntukan dalam pendidikan yang mana teknologi yang digunakan adalah peranti mudah alih (Park, Nam, & Cha, 2012).

Peranti mudah alih merupakan satu platform dalam pendidikan yang fleksibel dan berkesan. Gabungan teknologi dan pendidikan dapat memberikan persekitaran pembelajaran lebih menarik, interaktif dan meluas. M-learning juga merujuk kepada penggunaan peranti mudah alih yang boleh mengakses internet seperti telefon pintar, komputer riba, PDA dan tablet PC (Sarrab, Alalwan, Alfarraj, & Alzahrani, 2015).

Kemudahan Internet menjadikan pengetahuan agama dapat diakses melalui laman web, internet, YouTube, laman sosial dan aplikasi social dan memberikan peranan yang lebih penting dalam bidang agama. Aplikasi mudah alih adalah program yang dimuatkan ke dalam peranti dan boleh digunakan bila-bila masa dan di mana sahaja (Islam, Islam, & Mazumder, 2010).

Aplikasi mudah alih terdiri daripada program perisian yang berjalan pada peranti dan melakukan tugas tertentu kepada pengguna. Ciri-ciri aplikasi mudah alih yang mesra pengguna dan mudah alih membolehkan kebanyakan telefon bimbit menggunakannya. Walaupun banyak aplikasi telah dibangunkan, namun aplikasi untuk pengajian hadis masih kurang jika dibandingkan dengan aplikasi lain.

Kajian mengenai persepsi guru tentang M-Learning di Provinsu Sulawesi Selatan, Indonesia oleh Yusri, Goodwin, & Mooney (2015) telah mendakwa pengetahuan guru terhadap M-Learning adalah pada tahap sederhana. Walaupun guru yang mengajar subjek ICT lebih rendah daripada guru yang mengajar subjek lain tetapi mereka menunjukkan kesediaan untuk meneroka lebih tentang M-Learning.

Selain itu kesediaan pensyarah juga turut dicatatkan oleh Aljuaid, Alzahrani, & Atiquil (2014) sebagai menunjukkan pensyarah menggunakan M-Learning untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran. Pihak yang sepatutnya terlibat juga ialah pihak pengurusan universiti. Pihak pengurusan universiti seharusnya membangunkan dasar untuk mempromosikan M-Learning bagi menjadikan proses pembelajaran lebih aktif dan interaktif (Sarrab, Alzahrani, Alwan, & Alfarraj 2014).

Al Emran & Shaalan (2015) menunjukkan bahawa M-Learning dapat membantu interaksi dalam kalangan pelajar dan pensyarah untuk berkongsi pengetahuan. Keckerapan

berinteraksi antara pelajar dengan pensyarah juga merupakan salah satu kelebihan yang ada pada M-Learning kerana M-Learning tidak hanya terhad kepada pembelajaran dalam kelas sahaja (Huang & Chiu, 2015; Khan, Al-Shihi, Al-Khanjari, & Sarrab, 2015).

Hal yang demikian ditegaskan oleh Hockly (2012) bahawa kepentingan M-Learning ialah interaksi antara satu sama lain yang akan menyokong sesuatu pembelajaran itu. Bukan itu sahaja, M-Learning juga menjadi satu kaedah yang mudah dan praktikal untuk membantu pelajar meningkatkan pembelajaran mereka. Hal yang demikian telah dinyatakan oleh Soleimani, Ismail, & Mustaffa (2014) yang menjalankan kajian keatas 25 pelajar siswazah di UKM.

Di samping itu, banyak kajian awal mengenai pembelajaran mudah alih telah dijalankan di banyak negara seperti kajian kurikulum sekolah menengah (Shuib A.S, 2010), kajian mengenai subjek matematik (Mahamad, Ibrahim, & Taib, 2010), bidang keagamaan (Aliff, Mohd Isa, & Surina Akmal, 2014; Nawi & Isa Hamzah, 2013), dan juga dalam Bahasa Arab (Dahaman, A. 2014). Dengan teknologi mudah alih ini, pelbagai kaedah pembelajaran boleh digunakan untuk mencipta inovasi pembelajaran dalam komuniti yang lebih luas, menghubungkan komuniti di dunia nyata dan maya serta menyediakan kepakaran yang diperlukan untuk menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

### **M-Learning dalam Pengajian Hadis**

Peredaran masa yang semakin pantas telah memberi impak yang besar dalam penyebaran pengajian Islam. Cara pembelajaran yang berbeza telah mengubah perspektif umum umat Islam. Jika sebelum ini pembelajaran hanya bergantung kepada penggunaan kertas buku atau kitab. Namun sekarang proses pembelajaran boleh dijalankan dengan menggunakan laman web, perpustakaan digital, perisian computer dan perisian telefon mudah alih (Halim et al., 2016).

Oleh yang demikian, pengajian hadis juga mengalami proses perubahan dari pembelajaran tradisional kepada pembelajaran moden. Pembelajaran menggunakan medium kertas telah bertukar kepada medium digital. Proses untuk menukar medium kertas kepada medium digital perlu dilakukan dengan berhati-hati agar tiada kesalahan teknikal seperti meletakkan baris, titik, tulisan dan sebagainya (Halim et al., 2016). Disebabkan oleh itu, menurut Shahril Nizam (2012) penelitian yang mendalam mesti dibuat agar pemindahan medium kertas kepada medium digital dapat dilakukan tanpa ada kesalahan.

Kemajuan teknologi telah memberikan satu sumbangan yang besar kepada pendidikan Islam terutamanya pengajian hadis. Ramai pengkaji hadis telah berusaha untuk memanfaatkan teknologi yang ada dengan membina satu pengajian berbentuk atas talian iaitu dengan menggunakan website. Diantara website yang sering digunakan ialah al-Darul al-Saniyyah, Mawqi' al-Islam dan Islamweb (Zulkipli, Yaacob, Anas, Noor, et al., 2017). Website ini membolehkan pelajar untuk mencari hadis atau muat turun untuk dijadikan sebagai rujukan. Website ini menyediakan banyak forum dalam talian yang membincangkan hal yang berkaitan dengan takhrij hadis dan juga menyediakan kemudahan untuk carian hadis.

Selain itu juga, pencarian hadis boleh juga dilakukan melalui perisian telefon mudah alih. Kajian yang dilakukan oleh Zulkipli, Yaacob, Anas, Syukri, et al. (2017) dengan menggunakan tiga perisian terbaik untuk proses takhrij hadis iaitu 9 Imam Encyclopedia, Kutub Tis'ah dan al-Hadis al-Nabawi al-Syarif. Keputusan daripada kajian tersebut membuktikan bahawa ketiga-tiga perisian memberikan akses yang pantas kepada hadis sebagai media elektronik. Pengajian hadis juga boleh dilakukan dengan menggunakan perisian komputer. Contoh yang selalu digunakan ialah al-Maktabah al-Syamilah dan Jawami' al-Kalim. Perisian ini menggunakan Bahasa Arab dan boleh mengakses hadis dengan begitu mudah (Hassan et al., 2016).

Para pensyarah juga memberi galakan kepada pelajar untuk menggunakan perisian komputer dan juga laman web. Hal ini memberi petunjuk bahawa pensyarah

menerima pembelajaran menggunakan teknologi dan tidak menyekat penggunaan teknologi kepada pelajar (Hassan, Amin, & Hassan 2014).

Kemajuan teknologi telah memberikan satu dimensi baru dalam pengajian hadis. Kajian atau pencarian hadis dapat dilakukan dengan pelbagai perisian bagi memudahkan masyarakat umumnya dan pelajar khususnya. Tambahan lagi, ilmu dalam bidang agama mudah tersebar ke serata dunia dengan adanya kemudahan teknologi. Oleh itu, kemahiran menggunakan teknologi perlu ditingkatkan agar penggunaan selari dengan panduan yang ditetapkan oleh syara' (Halim et al., 2016). Pada masa yang sama pengajian melalui kaedah tradisional tidak boleh dasingkan dan perlu diteruskan agar mencapai objektif pembelajaran yang sepatutnya (Hassan et al., 2016; Fauzi Deraman, Ishak & Faisal 2010).

Jelaslah kaedah moden pengajian hadis dapat memberi motivasi dan mempercepatkan proses pembelajaran. Bukan itu sahaja, kaedah moden menjadikan komunikasi antara tenaga pengajar dan pelajar dapat berjalan dengan lancar. Walaubagaimanapun disaat pembelajaran menggunakan teknologi semakin meningkat, perlu pastikan segala disiplin ilmu dapat dilaksanakan dengan berhemat. Langkah pelaksanaan m-learning dalam pengajian hadis perlu kepada kerjasama dan pemerhatian pakar hadis dan pakar IT. Sekurang-kurangnya dengan adanya kaedah m-learning dapat mengelakkan penyalahgunaan dan penyelewengan maksud hadis yang sebenar.

## **PERBINCANGAN**

Hadis merupakan satu sumber yang penting untuk dipelajari selepas Al-Quran. Hal ini kerana hadis merupakan memberi penjelasan kepada ayat Al-Quran. Kajian ini dijalankan untuk melihat kaedah-kaedah pembelajaran hadis di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan kaedah pembelajaran hadis berlangsung melalui dua cara iaitu dengan menggunakan kaedah tradisional dan juga moden. Kedua-dua kaedah ini diaplikasikan tanpa menafikan keberkesanan diantara keduanya.

Kaedah tradisional dilihat lebih teliti kerana kaedah ini telah dijalankan sejak berkurun lamanya. Bermula dengan kisah Rasulullah SAW dan diteruskan oleh sahabat serta ulama-ulama terdahulu hingga ke hari ini. Kaedah talaqi iaitu pengajian pembacaan hadis yang dilakukan secara berhadapan antara guru dan murid memastikan kesinambungan salasilah sanad dapat dijaga dengan baik. Selain itu, kaedah soal jawab, perbincangan, hafalan dan demonstrasi juga dijalankan bagi membantu pemahaman pelajar terhadap ilmu hadis. Kaedah-kaedah yang telah disebut menjadikan pengajian hadis melalui kaedah tradisional sangat unik dan telah melahirkan ramai tokoh dan ulama yang berperanan memberi sumbangan kepada masyarakat dalam ilmu hadis (Masyhurah et al., 2015; Noor & Rosli, 2017).

Namun demikian, sesuatu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah kehadiran alat teknologi canggih secara tidak langsung merancakkan lagi pengajian hadis di Malaysia. Pengajian tidak lagi bergantung kepada kitab tetapi menggunakan alat teknologi sebagai medan baru pengajian. Pengajian hadis di dalam bentuk website, perisian komputer, aplikasi mudah alih dan penggunaan laman sosial membantu memudahkan lagi proses pengajian berlangsung. Penggunaan telefon pintar, komputer dan PDA telah menukarkan pengajian dalam bentuk kertas kepada bentuk digital. Alatan moden dilihat mampu memberi kemudahan dan keseronokan kepada pelajar untuk lebih memahami ilmu dengan lebih baik (Muyaroah, 2017). Jesteru, penggunaan teknologi sebagai alat pembelajaran sangat diperlukan di dalam pendidikan tinggi (Masrom, Nadzari, & Zakaria, 2016).

Seperti penulis nyatakan, kedua-dua kaedah ini patut dijalankan tanpa menafikan manfaat antara keduanya. Cabaran untuk menggabungkan antara kaedah tradisional dan moden memerlukan kepada kepakaran di dalam bidang hadis dan juga bidang IT. Oleh itu, kajian mesti diteruskan untuk memastikan pengajian hadis dapat digabungkan antara kedua kaedah ini.

## PENUTUP

Kesimpulan bagi kajian ini, m-learning untuk pengajian hadis masih diperingkat awal. Pelbagai faktor perlu dipandang serius dan diteliti oleh pelbagai pihak bagi memastikan objektif pembelajaran dapat dicapai. Penggunaan m-learning untuk pengajian hadis hanya sebagai langkah untuk memperbaiki proses pembelajaran itu sendiri.

M-learning ialah satu proses pengajian yang boleh dijalankan tanpa bergantung pada tempat dan masa dengan menggunakan teknologi mudah alih dan wujudnya kemudahan internet bagi memastikan kelancaran proses P&P. Gabungan antara kaedah tradisional dan moden mesti diselaraskan agar kedua-dua kaedah dilihat sesuai dengan peredaran zaman.

## RUJUKAN

- Adullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Ahmad Shah, Mohd Khafidz Soroni & Rosni Wazir. 2016. *Manahij al- Muhaddithin*. n.pl.: n.pb.
- n.a. n.d. *Metode & Pendekatan Sarjana Hadith*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian al- Quran dan al-Hadith, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Ahmad Shah. 2010. *Pengajian Hadith di Malaysia: Tokoh, Karya dan Institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian al- Quran dan al-Hadith, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

## Jurnal

- Al Emran, M., & Shaalan, K. 2015. "E-podium Technology: A medium of managing Knowledge at Al Buraimi University College via Mlearning," (March), 1–4. <https://doi.org/10.14236/ewic/bcsme2014.14>
- Aliff, N., Mohd Isa, I., & Surina Akmal, A. S. 2014. *Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih ( Mobile Apps ) Dalam Bidang Pendidikan Islam*. Online Journal of Islamic Education, 2(2), 26–35.
- Aljuaid, N., Alzahrani, M., & Atiquil, A. 2014. *Assessing Mobile Learning Readiness in Saudi Arabia Higher Education: An Empirical Study*. The Malaysian Online Journal of Educational Technology, 2(2), 1–14.
- Atabik, A. 2010. *Epistemologi Hadis: Melacak Sumber Otentitas Hadis*. Religia, 13(2), 211–224.
- Budin, A. 2016. *Keberkesanan Kelas Takmir Dalam Pengajian Hadis Di Masjid Daerah Melaka Tengah: Pendekatan Dan Penambahbaikan*. Jurnal Ulwan. 1, 88–110.
- Cheon, J., Lee, S., Crooks, S. M., & Song, J. 2012. *An Investigation Of Mobile Learning Readiness In Higher Education Based On The Theory Of Planned Behavior*. Computers And Education. 59(3), 1054–1064. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2012.04.015>
- Dominici, G., & Palumbo, F. 2013. *How to build an e-learning product : Factors for student / customer satisfaction*. Business Horizons, 56(1), 87–96. <https://doi.org/10.1016/j.bushor.2012.09.011>
- Fadzil, M. F. B. M., Deraman, D. F. Bin, & Amir, S. B. 2014. *Pengajian Hadith Di Institusi Formal ? & Non Formal Di Malaysia*. Jurnal Ilmiah Berimpak, 7(Jun), 33–49.
- Gitsaki, C., Robby, M. A., Priest, T., Hamdan, K., & Ben-Chabane, Y. 2013. *A research agenda for the UAE iPad Initiative*. Learning and Teaching in Higher Education, 10(2), 1–15.
- Göksu, İ., & Atici, B. 2013. *Need for Mobile Learning: Technologies and Opportunities*. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 103, 685–694. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.10.388>
- Hading, H. 2016. *Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Hadis*. Shaut Al Arabiyyah, 4(2), 29–42.
- Halim, A. A., Anas, N., Zulkipli, S. N., Mohd, M. S., Azmi, A. S., & Hassan, S. N. S. 2016. *Prestasi Aplikasi Hadis Digital Berteraskan Technology Acceptance Model (TAM): Suatu Tinjauan Awal*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 3(2), 119–129.

- Hassan, S. N. S., Amin, M. Z. M., & Hassan, S. N. S. 2014. *Kajian Penerimaan Pensyarah Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith Berbantuan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah*, 7(1), 65–81.
- Hockly, N. 2012. *Mobile learning*. *ELT Journal*, 67(1), 80–84. <https://doi.org/10.1093/elt/ccs064>
- Huang, Y. M., & Chiu, P. S. 2015. *The effectiveness of a meaningful learning-based evaluation model for context-aware mobile learning*. *British Journal of Educational Technology*, 46(2), 437–447. <https://doi.org/10.1111/bjet.12147>
- Islam, M. R., Islam, M. R., & Mazumder, T. A. 2010. *Mobile Application and Its Global Impact*. *International Journal of Engineering and Technology*, 10(6), 104–111.
- Johari, M. A. Bin, & Shah, F. B. A. 2015. *Kajian Terhadap Kefahaman Hadith Kalangan Ahli Jemaah Masjid Dan Surau Di Shah Alam , Selangor*. *The Online Journal of Islamic Education KAJIAN*, 3(2), 1–11.
- Kaware, S. S., & Sain, D. S. K. 2015. *ICT Application in Education: An Overview*. *International Journal of Multidisciplinary Approach and Studies*, 02(1), 25–32.
- Khan, A. I., Al-Shihi, H., Al-Khanjari, Z. A., & Sarrab, M. 2015. *Mobile Learning (M-Learning) adoption in the Middle East: Lessons learned from the educationally advanced countries*. *Telematics and Informatics*, 32(4), 909–920. <https://doi.org/10.1016/j.tele.2015.04.005>
- Lu, C., Tsai, C. C., & Wu, D. 2015. *The role of ICT infrastructure in its application to classrooms: A large scale survey for middle and primary schools in China*. *Educational Technology and Society*, 18(2), 249–261. <https://doi.org/10.2307/jeductechsoci.18.2.249>
- Mahamad, S., Ibrahim, M. N., & Taib, S. M. 2010. *M-Learning: A New Paradigm Of Learning Mathematics In Malaysia*. *International Journal of Computer Science & Information Technology (IJCSIT)*, 2(4), 76–86. <https://doi.org/10.5121/ijcsit.2010.2407>
- Mahat, J., Ayub, A. F. M., Luan, S., & Wong. 2012. *An Assessment of Students' Mobile Self-Efficacy, Readiness and Personal Innovativeness towards Mobile Learning in Higher Education in Malaysia*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 64, 284–290. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.033>
- Mehdipour, Y., & Zerehkafi, H. 2013. *Mobile Learning for Education: Benefits and Challenges*. *International Journal of Computational*. 3(6), 93–101 (251–259). <https://doi.org/10.1080/87567555.2011.604802>
- Mohamed, N. S., & Ali, M. A. M. 2016. *Tahap Pengetahuan dan Persepsi Pelajar terhadap Pengajian Hadith di Universiti Sultan Zainal Abidin*. *ISLAMIYYAT*, 38(2), 155–163.
- Muyaroah, S. 2017. *Efektifitas Mobile Learning Sebagai Alternatif Model Pembelajaran*. *Lembaran Ilmu Kependidikan*, 46(1), 23–27. Retrieved from <http://journal.unnes.ac.id/nju/index.php/LIK>
- Nawi, A., & Isa Hamzah, M. 2013. *Tahap Penerimaan Penggunaan Telefon Bimbit Sebagai M-Pembelajaran dalam Pendidikan Islam*. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1), 1–10.
- Noor, A. Y. M., & Rosli, Q. 2017. *Perkembangan Metodologi Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith Di Negeri Kedah*. *Journal of Hadith Studies*, 2(2), 1–13.
- NoorIzzuddin Mat Zain, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, & Nursafra Mohd Zhaffar. 2014. *I-Eco : Inovasi Simulasi Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Ibadah Tingkatan 4*. *The Online Journal of Islamic Education*, 1–6.
- Norhazlina, & Friedman. 2009. *Sumbangan Pengajian Hadis Terhadap Pembinaan Insan: Suatu Kajian Di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas*.
- Park, S. Y., Nam, M.-W., & Cha, S.-B. 2012. *University students' behavioral intention to use mobile learning: Evaluating the technology acceptance model*. *British Journal of Educational Technology*, 43(4), 592–605. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8535.2011.01229.x>
- Ramli, F. Z. M., Majid, L. A., & Nazri, M. A. 2017. *Faktor Dorongan Persambungan Sanad Kitab Hadis Dalam Pengajian Talaqqi Bersanad (TB) Di Malaysia*. *International*

- Journal of Islamic and Civilization Studies, 4, 13–26. Retrieved from [www.http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran](http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran)
- Ridzuan, A. R., & Irpan, H. M. 2017. *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry*. (M. A. Y. and F. A. R. Syuhaida Idha Abd Rahim, Ed.). <https://doi.org/10.1007/978-981-10-1452-9>
- Rohaizan Baru. 2006. *Perkembangan Ilmu Hadis di Negeri Terengganu Darul Iman*. Jurnal Usuluddin, 23–24, 91–116.
- Saputro, A. H., & Shobron, S. 2016. *Konsep Syura Menurut Hamka dan M. Quraish Shihab (Studi Komparatif Tafsir al-Azhar dan Tafsir al-Mishbah)*. Wahana Akademika, 3(2), 59–70. Retrieved from <http://eprints.ums.ac.id/41808/>
- Sarrab, M., Alalwan, N., Alfarraj, O., & Alzahrani, A. 2015. *An Empirical Study On Cloud Computing Requirements For Better Mobile Learning Services*. International Journal of Mobile Learning and Organisation, 9(1), 1. <https://doi.org/10.1504/IJML0.2015.069709>
- Sarrab, M., Alzahrani, A., Alwan, N. Al, & Alfarraj, O. 2014. *From Traditional Learning Into Mobile Learning In Education At The University Level: Undergraduate Students Perspective*. Int. J. Mobile Learning and Organisation, 8(3/4), 167–186.
- Soleimani, E., Ismail, K., & Mustafa, R. 2014. *The Acceptance of Mobile Assisted Language Learning (MALL) among Post Graduate ESL Students in UKM*. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 118, 457–462. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.02.062>
- Temrin, M. M. I. Bin, & Ali, M. A. M. 2017. *Persepsi Guru Terhadap Pembelajaran Ilmu Hadith Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Smka) Di Sarawak, Malaysia*. AL-BANJARI, 16(1), 112–137. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.18592/al-banjari.v16i1.1054>
- Truong, H. M. 2016. *Integrating learning styles and adaptive e-learning system: Current developments, problems and opportunities*. Computers in Human Behavior. 55, 1185–1193. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2015.02.014>
- Yusri, I. K., Goodwin, R., & Mooney, C. 2015. *Teachers and Mobile Learning Perception: Towards a Conceptual Model of Mobile Learning for Training*. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 176, 425–430. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.492>
- Zulkipli, S. N. Bin, Yaacob, Z., Anas, N. Bin, Noor, M. S. B. M., Abidin, M. Z. H. B. Z., Jamil, W. K. N. B. W., & Yakob, A. Bin. 2017. *Takhrij al-Hadith Via Websites : A Study of al- Durar al-Saniyyah , Mawqi ' al-Islam and Islamweb*. International Journal of Sciences and Research, 73(4), 83–100.
- Zulkipli, S. N., Yaacob, Z., Anas, N., Syukri, M., Abidin, M. Z. H. Z., Ahmat, A. C., & Yakob, M. A. 2017. *Takhrij al-Hadith via Mobile Apps : Study of 9 Imam Encyclopedia , Kutub Tis ' ah and Mawsu ' ah al -Hadith al- Nabawi al-Syarif*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 7(6), 1174–1185. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i6/3351>

### **Tesis/Disertasi**

- A Rahim, N. 2013. *Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) Untuk Tujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan UTHM* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Dahaman, A. 2014. *Pembangunan modul m-Pembelajaran Bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Shahril Nizam 2012. *Pemeliharaan Hadith di Era ICT: Kajian Terhadap al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb*, Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya

### **Kertas Kerja/Prosiding**

- Hassan, S. N. S., Zakaria, N., Long, M. Y., Goje, K., & Said, W. M. 2016. *Pembangunan Aplikasi Teknologi Dalam Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis Pada Zaman Globalisasi*. In Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2016) (pp. 1–10).
- Kamarul Azmi Jasmi. 2013. *Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam Pengamalan Guru*

- Cemerlang Pendidikan Islam*. Kertas Kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia. Anjuran Institut Kefahaman Malaysia (IKIM), 24-25 September.
- Masrom, M., Nadzari, A. S., & Zakaria, S. A. 2016. *Implementation Of Mobile Learning Apps In Malaysia Higher Education Institutions*. E-Proceeding of the 4th Global Summit on Education 2016, 268–276. Retrieved from <http://worldconferences.net/home>
- Masyhurah, M. R., Harun, B., Maimun Aqsha, L., & Siti Aisyah, R. 2015. *Institusi pondok dalam sistem pendidikan islam di malaysia*. Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (POLTAN-UKM-POLIMED), (Jun).
- Noor Hisham Md Nawi. 2011. *Pengajaran Dan Pembelajaran: Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden*. Kertas kerja Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011, Hotel Vistana Pulau Pinang, 18 - 20 Disember.
- Rosli, Q., & Mohd Noor, A. Y. 2015. *Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Maahad Darul Hadis, Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal*. Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI) 2015, 7, 131–138.
- Shuib, A. S. 2010. *Rekabentuk kurikulum M-Pembelajaran Sekolah Menengah: Teknik Delphi*. In Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in Information and Communication Technology (pp. 652-665).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*